

SKEMA JAWAPAN PENDIDIKAN MORAL PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2022
Bahagian A [50 markah] Jawab semua soalan dalam bahagian ini

U1 T4

1. Gambar di bawah menunjukkan aktiviti rumah terbuka.



- (a) Aktiviti rumah terbuka seperti gambar di atas merupakan norma masyarakat Malaysia. Nyatakan **maksud** norma masyarakat. [2m]

F1	Perilaku / Tindakan yang diterima sebagai amalan
F2	dalam sesuatu kelompok / komuniti / budaya
Terima 1F = 1m / 2F = 2m	

- (b) Jelaskan **dua contoh norma masyarakat** yang terdapat dalam gambar tersebut [4m]

F1	Bersalaman dengan orang yang lebih tua
H1	Sebagai tanda taat
F2	Melayan tetamu dengan riang / menyambut kedatangan tetamu
H2	Sediakan pelbagai juadah
F3	Duduk ketika makan
H3	Menjaga tatasusila ketika makan
F4	Memakai pakaian tradisional semasa perayaan
H4	Contohnya baju Melayu / baju kurung / ceongsam / kurta
F5	Beratur semasa mengambil makanan
H5	Tetamu mengambil makanan secara sopan
F6	Memberi angpau / duit raya / pek wang
H6	Sebagai tanda doa / bersyukur / keberuntungan / ada rezeki / kesejahteraan
Terima mana-mana jawapan yang munasabah (tidak terima jawapan bermain bunga api / mercun kerana salah di sisi undang-undang). Terima 2F + 2H = 4m / 1F + 3H = 3m / 3F + 1H = 3m	

Amalan norma masyarakat adalah penting dalam mengekalkan adat resam masyarakat Malaysia. Akan tetapi, norma masyarakat kini telah semakin diabaikan oleh generasi muda.

- (c) **Huraikan kesan** pengabaian norma masyarakat kepada rakyat pelbagai kaum. [4m]

F1	Masyarakat bersikap individualistik
H1	Bertingkah laku tanpa mengambil kira kepentingan orang lain
H2	keputusan @ tindakan berasaskan pertimbangan diri sendiri sahaja
H3	Kurang melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan / sosial
H4	Menjejaskan perpaduan
F2	Manusia semakin kurang beradab
H5	Melakukan perilaku yang bertentangan dengan norma masyarakat
H6	Cara komunikasi secara kurang sopan
H7	Guna bahasa badan yang kurang menyenangkan
H8	Menimbulkan perselisihan faham
F3	Hubungan sosial terjejas
H9	Perubahan gaya hidup
H10	Mengabaikan / meminggirkan warga tua / orang yang lebih tua
H11	Pergaulan di luar batasan / pergaulan bebas
F4	Keharmonian masyarakat terjejas
H12	Memandang rendah terhadap amalan berbeza
H13	Mempersendakan cara berpakaian orang lain / budaya kaum lain
H14	Tidak menerima amalan beribadat kaum lain / amalan agama lain
Terima mana-mana jawapan yang munasabah Terima 2F + 2H / 1F + 3H / 3F + 1H = 4m	

2. Keratan akhbar di bawah berkaitan dengan remaja lari dari rumah. 离家出走 U5 T4

Petaling Jaya – Dalam tempoh tiga tahun sejak 1 Januari 2018 hingga 31 Januari tahun ini, secara purata seramai 3 remaja melarikan diri dari rumah setiap hari, antaranya berpunca daripada keinginan untuk hidup bebas dan mengikut pasangan kekasih. Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi Sistem Laporan Polis telah menerima 3,450 kes remaja melarikan diri dari rumah sepanjang tempoh itu dan kebanyakan berusia antara 13 hingga 18 tahun. Lebih mengejutkan apabila kira-kira 70 peratus atau 2,393 kes daripada jumlah tersebut membabitkan remaja.
Sumber : Kosmo, 21 Mac 2021

(a) Wajarkah tindakan remaja tersebut. Jelaskan. [3m]

F1	Tidak wajar
H1	Mencemarkan maruah dan imej diri / keluarga / imej diri terjejas
H2	Keluarga akan menjadi tidak harmoni
H3	Berlaku perselisihan faham dalam keluarga
H4	Remaja tidak pergi ke sekolah
H5	Remaja akan ketinggalan pelajaran / pelajaran remaja terjejas
H6	Masa depan remaja akan terjejas
H7	Ibu bapa akan berasa sedih / risau
H8	Keselamatan diri remaja akan terancam
H9	Remaja mudah terjebak dalam gejala sosial
H10	seperti penyalahgunaan dadah, pergaulan bebas dan lain-lain
H11	Terjebak dalam lembah maksiat
H12	Seperti zina / pelacuran / hubungan seks luar nikah
Terima mana-mana jawapan yang munasabah Terima 1F + 2H = 3m / 1F + 1H = 2m / 0F + 3H = 2m	

(b) Terdapat pelbagai punca yang menyebabkan remaja lari dari rumah. Bincangkan **punca lain** remaja lari dari rumah. [3m]

F1	Pengaruh rakan sebaya
H1	Remaja ingin mencari keseronokan bersama rakan-rakan
F2	Berasa dikongkong oleh keluarga
H2	Peraturan keluarga terlalu ketat
F3	Kurang didikan agama / kurang penghayatan agama / moral
H4	Tidak berfikir panjang sebelum melakukan sesuatu perkara
F4	Berlaku perselisihan faham dengan ahli keluarga
H4	Pergaduhan keluarga
F5	Kurang perhatian / prihatin dari ibu bapa
H5	Ingin mendapat perhatian ibu bapa
Nota : keinginan untuk <u>hidup bebas</u> dan <u>mengikut pasangan kekasih</u> TIDAK DITERIMA kerana sudah ada dalam stem soalan Terima mana-mana jawapan yang munasabah Terima 1F + 2H / 2F + 1H = 3m / 3F / 3H = 2m	

(c) Amalan integriti perlu sentiasa dipupuk dalam kalangan anggota keluarga supaya tingkah laku mulia dapat dibentuk untuk mewujudkan suasana harmoni dalam keluarga. Terangkan **dua cara** yang boleh dilakukan untuk memupuk integriti dalam keluarga. [4m]

F1	Memberikan penghargaan kepada anggota keluarga
H1	Meraikan hari istimewa keluarga
H2	seperti hari lahir / hari ibu
H3	Meraikan ahli keluarga yang mendapat kejayaan.
F2	Memberikan layanan adil terhadap anggota keluarga
H4	Tidak pilih kasih antara ahli keluarga
H5	Bersabar dengan kerenah anggota keluarga
F3	Taat kepada anggota keluarga
H6	Mendengar pendapat anggota keluarga
H7	Menyediakan keperluan harian untuk anggota keluarga
F4	Mempunyai kemahiran keibubapaan yang baik
H7	Menjadi suri teladan yang baik kepada anggota keluarga
H8	Meluangkan masa yang berkualiti dengan anggota keluarga
Terima mana-mana jawapan yang munasabah Terima 2F + 2H = 4m, jika 4F / 4H = 2m.	

3. Gambar di bawah menunjukkan Misi Kemanusiaan Bencana Banjir. **U7 T4 / U8 T5**



- (a) Berdasarkan gambar di atas, **jelaskan perasaan** anda sekiranya anda adalah salah seorang mangsa banjir. [2m]

F1	Sedih / bimbang / takut
H1	Harta benda musnah
H2	Kehilangan nyawa / mati / maut
H3	Aktiviti harian terjejas / tidak dapat pergi kerja / sekolah
H4	Penyakit berjangkit merebak contoh penyakit kencing tikus @ penyakit leptospirosis / penyakit kolera @ taun
H5	Rumah tenggelam / hilang @ tiada tempat kediaman
H6	Hubungan telekomunikasi terputus / tidak dapat berhubung dengan orang di luar
H7	Jalan raya terputus
H8	Menghadapi masalah terputusnya bekalan air / bekalan elektrik
Terima mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima 1F + 1H = 2m / 0F + 2H = 1m	

- (b) Terangkan **dua** tanggungjawab anda terhadap mangsa bencana alam sekiranya anda seorang sukarelawan. [4m]

F1	Membantu mangsa bencana alam
H1	Memberikan bantuan keperluan asas
H2	Contohnya, makanan / minuman / pakaian / ubat-ubatan
F2	Menderma wang kepada mangsa bencana alam
H3	Mengurangkan beban mangsa bencana alam
F3	Mengadakan kutipan wang untuk mangsa bencana alam
H4	Mengadakan Tabung Bantuan Bencana Alam
F4	Menyantuni mangsa bencana alam / memberi sokongan moral / menasihati mangsa
H5	Mengurangkan kesedihan mangsa
Terima mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima 2F + 2H = 4m	

- (c) Membantu mangsa bencana dan melakukan khidmat komuniti adalah satu perlakuan yang dapat membantu mangsa bencana mengharungi kesusahan hidup mereka.

Huraikan bentuk bantuan yang boleh diberikan kepada mangsa banjir tersebut. [4m]

F1	Bantuan Fizikal
H1	Baik pulih rumah / kemudahan awam
F2	Kelestarian alam sekitar
H2	Gotong royong membersihkan kawasan perumahan
F3	Bantuan kemanusiaan
H3	Sukarelawan / khidmat nasihat / pakaian / makanan / minuman / ubat-ubatan / wang
F4	Program kesihatan
H4	Rawatan kesihatan / khidmat kaunseling / kurangkan trauma / kesihatan mental / tekanan jiwa
Terima mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima 1F + 3H / 2F + 2H / 3F + 1H = 4m	

4. Maklumat berikut berkaitan dengan keunikan kaum Kadazandusun. **U11 T4**

Kaum Kadazandusun	
Bahasa :	Kadazandusun
Makanan :	Tuhau, Hinava, Bosou
Pakaian :	Himpogot, Tangkong, Siling, Tapi'
Perayaan :	Pesta Kaamatan, Pesta Moginakan Nunuk Ragang

- (a) **Nyatakan contoh** perayaan dan makanan bagi kaum Iban di Sarawak. [2m]

- i. Perayaan : **Gawai Dayak / Gawai Antu / Gawai Batu / Hari Gawai / Pesta Menuai**
 ii. Makanan : **Manuk pansuh / Kasam ikan / umai / Salai**

Terima 1F = 1m / 2F = 2m

- (b) Setiap rakyat Malaysia patut mempertahankan dan mengekalkan keunikan rakyat negara ini supaya generasi muda dapat menyedari kepentingan keunikan ini.

Huraikan kepentingan mengekalkan warisan kebudayaan pelbagai kaum. [4m]

F1	Mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia
H1	Menerima persamaan dan perbezaan budaya
H2	Rakyat hidup bersatu padu
F2	Mengukuhkan kestabilan politik dan ekonomi negara
H3	Menarik pelancong asing
H4	Menggalakkan kemasukan pelabur asing
F3	Melahirkan generasi baharu yang mengekalkan kepelbagaian budaya
H5	Meningkatkan kesedaran tentang kefahaman budaya pelbagai kaum
H6	Kebudayaan tidak akan ditelan zaman
F4	Mengekalkan keseimbangan antara kemajuan negara dengan warisan kebudayaan
H7	Memelihara jati diri
H8	Mengukuhkan persefahaman antara kaum
F5	Menjadi kebanggaan negara
H9	Mencerminkan identiti negara
H10	Meningkatkan imej negara
Terima mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima 1F + 3H / 2F + 2H / 3F + 1H = 4m	

- (c) Jelaskan satu tindakan anda berdasarkan situasi di bawah :

- i Jiran Melayu menjemput anda menghadiri majlis perkahwinan ahli keluarganya. [2m]

F1	Menghadiri majlis tersebut
H1	Tanda sokongan kepada jiran
H2	Menerima keunikan adat perkahwinan
H3	Mengeratkan hubungan
H4	Memberikan hadiah
H5	Berpakaian sopan / berpakaian kemas / tutup aurat ketika menghadiri majlis
Terima mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima 1F + 1H = 2m / 0F + 2H = 1m	

- ii Rakan anda memakai pakaian kurang sopan semasa menghadiri majlis tersebut. [2m]

F1	Menegur / menasihati rakan
H1	Perlu bersopan semasa menghadiri majlis
H2	Mengelakkan pandangan tidak baik
H3	Menjejaskan imej
H4	Mengelakkan perselisihan faham
Terima mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima 1F + 1H = 2m / 0F + 2H = 1m	

5. Berikut merupakan contoh logo badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan dalam program komuniti. **U8 T5 / U9 T4**



- (a) **Nyatakan dua contoh program komuniti** yang dikaitkan dengan logo di atas. [2m]

F1	Gotong –royong / kitar semula
F2	Rondaan malam / keselamatan
F3	Larian Amal
F4	Jualan Amal
F5	Sukaneka Komuniti
F6	Membaik pulih rumah
F7	Kempen derma darah / program kesihatan (gigi, penyakit kronik, penyakit berjangkit)
F8	Kempen antidadah
F9	Program khidmat bantu di rumah
F10	Skim bantuan kebajikan
F11	Program bimbingan dan kaunseling
Terima mana-mana jawapan yang munasabah Terima 2F = 2m / 1F =1m	

- (b) Rukun Tetangga menjalankan apa-apa aktiviti bagi meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiranan dan perpaduan.

Jelaskan dua kepentingan aktiviti yang dilaksanakan oleh Rukun Tetangga. [4m]

F1	Kebersihan kawasan setempat terpelihara
H1	Bebas daripada pembiakan nyamuk aedes / gotong royong membersihkan alam
F2	Melahirkan masyarakat bersatu padu / memupuk permuafakatan antara kaum
H2	Penglibatan masyarakat tanpa mengira kaum
F3	Membina jalinan kerjasama secara berterusan
H3	Mewujudkan semangat kekitaan / kerja berpasukan
F4	Kawasan kejiranan lebih Selamat
H4	Penjenayah berfikir berulang kali sebelum bertindak / kurangkan kes jenayah
F5	hidup dalam suasana harmoni
H5	Mereka tenang hati dan jiwa
F6	Pupuk semangat patriotik
H6	Wujud perasaan sayang / bangga kepada negara
F7	Menggalakkan komuniti supaya memikul tugas dalam melaksanakan program
H7	Pupuk sikap berdisiplin
F8	Mewujudkan masyarakat penyayang
H8	Masyarakat mengambil berat terhadap kesusahan orang lain
Terima mana-mana jawapan yang munasabah. Terima 2F + 2H = 4m, jika 4F / 4H =2m Nota : Memupuk semangat perpaduan TIDAK DITERIMA kerana sudah ada dalam stem soalan	

- (c) Sebagai anggota masyarakat, **bagaimanakah** anda menyokong program komuniti yang dianjurkan di taman perumahan anda. [4m]

F1	Menyertai / melibatkan diri dalam aktiviti
H1	supaya aktiviti dapat berjalan dengan lebih lancar
F2	Mendaftar diri dalam aktiviti komuniti
H2	Sebagai sukarelawan
F3	Mengajak ahli keluarga / rakan / jiran
H3	bersama-sama menyumbangkan tenaga / berusaha bersama-sama dalam aktiviti komuniti
F4	Memberitahu / sebar luas melalui media elektronik / sosial / promosi
H4	seperti facebook / instagram / membuat poster
H5	supaya lebih ramai orang mendapat maklumat tentang program
F5	Memberi sumbangan keperluan / wang
H6	Untuk menampung sebahagian perbelanjaan program komuniti
F6	Memberi sumbangan kepakaran
H7	Seperti kemahiran komputer / sistem siar raya / teknikal / ilmu profesional
Terima mana-mana jawapan yang munasabah Terima 1F + 3H / 2F + 2H / 3F + 1H = 4m	

Bahagian B [10 markah]
Jawab mana-mana satu soalan dalam bahagian ini.

U3 T4

6. Situasi berikut berkaitan dengan dilema moral yang dihadapi oleh seorang anggota polis trafik.



Seorang anggota polis trafik telah menahan seorang pengguna jalan raya yang memandu melebihi had laju yang ditetapkan. Setelah disoal, dia mendapati pemandu tersebut memandu laju kerana membawa ayahnya yang sedang sakit tenat ke hospital.

Sumber : buku teks Pendidikan Moral Ting. 4

a. Nyatakan prinsip yang boleh digunakan dalam membuat keputusan untuk menyelesaikan dilema moral di atas. [2m]

Bil	Jawapan
F1	Prinsip keadilan
F2	Prinsip keprihatinan
	Terima mana-mana 2F = 2m

b. Sekiranya anda ialah anggota polis trafik itu, prinsip apa yang akan anda gunakan ? Justifikasikan hujah anda. [8m]

NILAI UNIVERSAL / PERASAAN / FAKTA / HURAIAN / CONTOH	
Terima watak : saya	
Jika saya ialah anggota polis trafik itu, saya akan	
Prinsip keadilan	
F	memberi saman
F	menjalankan tugas / peranan sebagai polis trafik (jika calon tulis ayat ini sebagai huraian, diterima)
H	pemandu telah melanggar undang-undang jalan raya
H	hukuman setimpal dengan kesalahan perlu diberikan
H	memastikan peraturan jalan raya dipatuhi
H	peringatan agar tidak mengulangi kesalahan
H	membahayakan pemandu yang lain
H	boleh menyebabkan kemalangan
H	boleh membawa kecederaan / maut
H	menunjukkan sikap kepedulian kepada orang awam
H	memastikan kesejahteraan orang awam dapat dijaga
H	timbul keyakinan masyarakat terhadap keupayaan anggota polis trafik
H	Peringatan kepada pengguna jalanraya yang lain
H	Pengajaran kepada pemandu agar tidak melanggar undang undang
ATAU	
Prinsip Keprihatinan	
F	tidak saman / beri amaran / peringatan kepada pemandu
F	menasihati pemandu untuk mematuhi peraturan jalan raya
H	melepaskan pemandu tersebut
H	untuk teruskan perjalanan ke hospital / mendapat rawatan
H	peka keadaan bapa pemandu perlukan rawatan segera
H	nyawa lebih penting / dahulukan nyawa ayah
H	kerana akan menjejaskan pengguna jalanraya lain
H	jika berlaku kemalangan jalan raya
H	Bersikap empati terhadap keadaan pemandu dan ayah pemandu
H	Pemandu itu menyayangi ayahnya
H	Tidak ingin kejadian yang tidak baik berlaku ke atas diri ayahnya
H	Pemandu ingin menyelamatkan nyawa ayahnya.

Pilih satu jawapan sahaja. Jika calon menjawab kedua-dua prinsip, tidak boleh diberi TP4. Jawapan holistik, fokus kepada arahan soalan. Terima mana-mana jawapan yang munasabah. Terima mana-mana 2 fakta, huraian, contoh yang munasabah

U3 T5 KBAT

7. Pernyataan dan gambar di bawah berkaitan dengan sindir badan.

	<p>'Body Shaming' atau 'Sindir badan' ialah perbuatan mengutuk, menghina dan mencaci rupa fizikal seseorang.</p> <p>Perbuatan ini ialah satu kesalahan jenayah yang boleh diambil tindakan undang-undang.</p>
--	---

a. Jelaskan kesan perbuatan *'Body Shaming'* sekiranya berlaku kepada diri anda. [8m]

NILAI UNIVERSAL / PERASAAN / FAKTA / HURAIAN / CONTOH	
Watak : saya	
F	Mengalami tekanan dalam hidup
H	Hidup tidak tenteram / jiwa tidak tenteram
H	trauma untuk berhadapan dengan masyarakat / takut berhadapan dengan orang
F	Mengalami kemurungan yang melampau
H	Tidak mahu bercakap dengan orang
H	Sentiasa menangis / diam / tidak mahu ke sekolah / kerja
F	Imej diri tercemar / maruah diri terjejas
H	Orang pandang rendah / serong
H	Bahagian badan yang tidak menarik / kulit tidak cerah / bahagian tangan / kaki yang gemuk
F	Menimbulkan keinginan untuk melakukan perkara yang tidak baik
H	Terlibat dengan gejala sosial
H	Lari dari rumah
H	melakukan perbuatan yang tidak sepatutnya seperti bunuh diri
F	Hilang keyakinan diri
H	Berasa malu untuk berhadapan dengan orang ramai
H	Mengasingkan diri dari masyarakat
H	Contohnya, mengurung diri di dalam bilik / rumah
F	Sanggup berkorban wang ringgit
H	Menutup Kelemahan / kekurangan pada tubuh badan
H	Contoh seperti pembedahan sedut lemak, pembedahan hidung, pembedahan anggota badan yang seumpamanya / penbedahan plastic
F	Menjejaskan kesihatan
H	Ada yang sanggup mengehendkan / menyekat pemakanan
H	Berisiko mendapat penyakit lain
H	Seperti kekurangan zat makanan
Terima mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima mana-mana 2 fakta, huraian, contoh yang munasabah	


b. Nyatakan tindakan anda dalam menyelesaikan masalah di atas ? [2m]

Bil	Jawapan
F1	Tidak peduli sindiran badan itu
F2	Memberitahu ibu bapa / guru disiplin / guru kauselor / guru
F3	Melapor kepada polis
	Terima mana-mana 2F = 2m

Bahagian C [40 markah]
Jawab semua soalan daripada bahagian ini.

U6 T4 / UT T4

8. Soalan 8 berkaitan dengan maklumat 1 dan maklumat 2.

MAKLUMAT 1		MAKLUMAT 2
<p>Peratus Jumlah Penderaan Kanak-kanak Malaysia Mengikut Umur Dari Tahun 2014-2018</p> <p>Atas 7 tahun : 29.40% Kurang dari 1 tahun : 23.16%</p>	<p>● Lelaki ● Perempuan</p>  <p>Lelaki 1114</p> <p>Perempuan 777</p>	<p align="center">“Tiada dera, hidup bahagia, keluarga harmoni”</p>

a. Jelaskan **perasaan** anda setelah melihat statistik pada Maklumat 1. [4m]

Bil	Jawapan
F1	Sedih / marah / kecewa
H1	Kerana kanak-kanak didera
H2	Kanak-kanak tidak dilindungi
H3	Kanak-kanak ialah anugerah Tuhan
H4	Kanak-kanak tidak mampu lawan balik / tidak tahu lapor polis
H5	Ibu bapa terlalu kejam
	Terima mana-mana 1F + 3H = 4m

b. **Bincangkan tindakan** yang patut dilakukan oleh **kerajaan, ibu bapa dan masyarakat** dalam mencegah penderaan kanak-kanak 虐待儿童. [8m]

NILAI UNIVERSAL / PERASAAN / FAKTA / HURAIAN / CONTOH	
Terima watak : mana-mana watak yang sesuai	
	Kerajaan
F	Mengetatkan undang-undang / menguatkuasakan undang-undang
H	Seperti Akta Kanak-kanak
H	Menjatuhkan hukuman berat kepada pelaku penderaan @ pendera
H	Dikenakan hukuman penjara dalam masa yang panjang.
H	Sebagai pengajaran kepada orang ramai
H	Supaya mereka tidak mengulang kesalahan yang sama
F	mengadakan banyak kempen melindungi kanak-kanak
H	Menggunakan media sosial untuk mempromosikan kempen yang dijalankan.
H	Menimbulkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kanak-kanak dengan baik
H	Mengadakan sambutan hari kanak-kanak di sekolah
F	Memberi pendidikan tentang penderaan kanak-kanak
H	Melalui pesanan khidmat masyarakat di ruangan iklan siaran televisyen / animasi kanak-kanak
H	Mendidik kanak-kanak tentang apa itu penderaan dan cara membuat aduan
H	Memasukkan topik penderaan ke dalam mata pelajaran di sekolah
H	Contoh subjek Pendidikan Moral / Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
F	Mewujudkan talian untuk aduan kes penderaan
H	Contohnya, talian kasih / talian SELAMAT
H	Memudahkan kes penderaan dilapor
	Ibu bapa
F	Memainkan peranan menjaga keselamatan anak
H	Memastikan anak membesar dalam keadaan yang baik
H	Bertolak ansur dan sabar dengan kerenah anak

H	Tidak menggunakan kekerasan untuk mendisiplinkan anak
F	Mempunyai gaya keibubapaan yang betul dalam mendidik anak
H	Mengikuti kursus pra perkahwinan / kursus keibubapaan
H	Ibu bapa mengamalkan sikap yang positif
H	Sentiasa berunding dalam menyelesaikan masalah
	Masyarakat
F	Anggota masyarakat akan saling berinteraksi dan mengambil berat antara satu sama lain.
H	Bertindak wajar dalam menjaga dan mengasihi kanak-kanak
H	Setiap anggota masyarakat mempunyai kewajipan dan peranan untuk menjaga kebajikan dan hak kanak-kanak sebaik mungkin
F	Berusaha bersama-sama dengan pihak berkuasa bagi mengatasi kes penderaan kanak-kanak
H	mewujudkan keselamatan masyarakat
H	Segera melaporkan kejadian penderaan kanak-kanak yang berlaku
H	Kes penderaan kanak-kanak dapat dikurangkan
H	Kanak-kanak dapat diselamatkan
	Terima mana-mana jawapan yang munasabah
	Terima mana-mana fakta, huraian, contoh yang munasabah

- b. Berdasarkan maklumat 2, **huraikan cabaran** 挑战 membentuk keluarga harmoni. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **nilai-nilai universal** yang dipelajari **selain nilai rasional dan bertanggungjawab.** [8m]

NILAI UNIVERSAL / PERASAAN / FAKTA / HURAIAN / CONTOH	
	Terima watak : mana-mana watak yang sesuai
N	Kasih sayang / hormat / toleransi / kerjasama / harga diri
F	Kurang penghayatan didikan agama @ penerapan nilai agama
H	Tidak bersedia menerima perubahan yang dibawa ibu bapa mengikut ajaran agama / ibu bapa tidak mengamalkan ajaran agama dalam keluarga
F	Kemewahan dan kebendaan / materialistik
H	Ibu bapa sibuk dengan mencari kekayaan
H	Ibu bapa tidak meluangkan masa untuk keluarga
H	Kurang prihatin terhadap anak
H	Anak berasa kurang disayangi akan melakukan pemberontakan
F	Perkembangan teknologi maklumat
H	Terpengaruh dengan budaya negatif / Kemudahan Pendidikan dan era globalisasi telah mempercepatkan penerimaan budaya dan nilai luar kepada anak-anak
H	Terlibat dengan masalah sosial
H	Leka dengan gajet elektronik
H	Kurang interaksi antara ahli keluarga
H	Menjejaskan hubungan keluarga
F	Pasangan kurang pengetahuan dan cara menguruskan rumah tangga
H	Tidak dapat melaksanakan tugas sebagai suami / isteri / bapa / ibu dengan baik
H	Tidak tahu cara mendidik anak / berkomunikasi dengan pasangan
H	Berlaku pergaduhan antara ahli keluarga
F	Kesempitan sosioekonomi
H	Peningkatan kos sara hidup menyebabkan keluarga menghadapi masalah kewangan
H	Tidak dapat sediakan keperluan asas kepada ahli keluarga
H	Menghadapi tekanan perasaan
H	Melepaskan tekanan ke atas anak
H	Seperti memukul anak / berlaku pengabaian terhadap anak
	Terima mana-mana jawapan yang munasabah
	Terima mana –mana 2 nilai, 2 fakta, huraian, contoh yang munasabah
	Betul 2 nilai untuk mendapat 1m sahaja

U7 & 12 T5 KBAT

9 Dialog di bawah berkaitan dengan isu pemanasan global.

Hui Ting	: Cikgu, semalam saya dengar berita peningkatan suhu yang melampau di seluruh dunia.
Bala	: Betullah Siva, saya pun ada baca berita tersebut. Kawasan timur England telah merekodkan suhu tinggi iaitu 40.3°C semasa musim panas tahun ini.
Cikgu Tan	: Hui Ting, Bala, inilah pemanasan global yang disebabkan oleh aktiviti manusia dan faktor semulajadi.

a. Isu pemanasan global perlu diatasi demi kelestarian alam sekitar.

Jelaskan punca 原因 berlaku pemanasan global 地球暖化. [4m]

NILAI UNIVERSAL / PERASAAN / FAKTA / HURAIAN / CONTOH	
Punca pemanasan global	
F	Peningkatan pembebasan gas rumah hijau
H	seperti karbon dioksida, metana, nitrus oksida dan nitrogen oksida
H	Dari aktiviti pembakaran bahan api fosil / penggunaan racun serangga / alat penghawa dingin dan sebagainya
H	telah menyebabkan haba daripada matahari terperangkap.
H	Gas rumah hijau terutamanya karbon dioksida akan berkumpul di atmosfera yang bertindak seperti satu lapisan "selimut".
H	Lapisan ini akan bertindak dengan memerangkap haba yang sepatutnya dihembus bumi ke atmosfera 大气层 / angkasa lepas 外太空
H	bagi mengekalkan keseimbangan haba dan menyejukkan bumi.
H	Akibat pemerangkapan haba ini, maka bumi menjadi semakin panas.
F	Penggondolan hutan / penebangan hutan / pembalakan / penerokaan hutan
H	Aktiviti penggondolan hutan untuk pembinaan bandar, lebuhraya, empangan dan sebagainya
H	menyebabkan pokok berkurangan serta tidak dapat menyerap karbon dioksida untuk ditukarkan kepada oksigen melalui proses fotosintesis 光合作用.
H	Situasi ini menyebabkan ketidakseimbangan antara karbon dioksida yang dibebaskan dan karbon dioksida yang diserap kerana terdapat lebih banyak karbon dioksida dibebaskan.
H	Akibatnya suhu di bumi akan terus meningkat.
F	Pertambahan bilangan kenderaan
H	Pembakaran bahan api fosil oleh kenderaan seperti petrol yang membebaskan gas karbon dioksida, karbon monoksida, hidrokarbon dan natrium oksida ke atmosfera.
H	Keadaan ini bertambah serius apabila berlakunya kesesakan lalu lintas akan menyebabkan suhu semakin meningkat.
F	Pembebasan bahan kimia dari kilang / aktiviti perindustrian
H	Industri kimia, pelarut, pendingin udara, pemadam api dan sebagainya
H	menghasilkan nitrogen oksida, sulfur plumbum, hidrokarbon dan klorofluorokarbon (CFC).
H	Aktiviti ini akan menambahkan karbon dioksida di atmosfera dan seterusnya meningkatkan suhu bumi.
F	Penipisan lapisan ozon 臭氧层稀薄
H	CFC yang digunakan di kilang elektronik, bahan pendingin peti sejuk, gas halogen dalam alat pemadam api, bahan pencuci dan sebagainya dilepaskan ke udara.
H	CFC boleh menghakis lapisan ozon yang berperanan sebagai penapis sinaran ultra ungu daripada matahari.
H	Apabila atom klorin dilepaskan dari sebatian CFC, atom klorin akan memusnahkan molekul ozon (O ₃)
H	kitaran pemusnahan ini akan berlaku secara berterusan sehingga beribu-ribu molekul O ₃ akan dimusnahkan.
H	Apabila ini berlaku, ozon akan menjadi semakin nipis dan lebih banyak sinaran matahari akan sampai ke bumi lalu menyebabkan suhu di bumi meningkat.
Terima mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima 1F + 3H / 2F + 2H / 3F + 1H = 4m	

- b. **Terangkan kesan** 后果 pemanasan global terhadap dunia. [8m]

NILAI UNIVERSAL / PERASAAN / FAKTA / HURAIAN / CONTOH	
Kesan pemanasan global	
F	Kemarau / gangguan cuaca menjadi panas
H	kadar hujan berkurangan
H	proses sejatan tidak mempunyai wap air untuk membentuk awan tebal
H	tanah menjadi tandus / kering kontang
H	Tumbuhan layu / mati / terbantut
H	Pembakaran hutan berlaku
F	hasil pertanian berkurangan / aktiviti pertanian terjejas
H	proses fotosintesis tumbuhan terjejas kerana kandungan air dalam tanah berkurangan
H	Tumbesaran tanaman akan mengambil masa yang panjang untuk matang
H	Kajian menunjukkan peningkatan suhu 1°C akan menyebabkan pengeluaran hasil pertanian jatuh sebanyak 10%.
F	Penyakit berbahaya / penyakit kronik / penyakit
H	pertambahan kes penyakit berjangkit yang berkaitan dengan vektor
H	seperti malaria / denggi
H	kitaran hidup nyamuk dipengaruhi oleh faktor pemanasan global.
H	Cuaca panas menyebabkan sistem imunisasi manusia menjadi lemah
H	Penyakit kronik / katarak mata / radang paru-paru / kanser kulit bertambah
F	Paras air laut meningkat
H	Apabila suhu meningkat, pengembangan isipadu air laut akan berlaku
H	Saintis meramalkan paras laut akan naik sebanyak 5 hingga 7 meter menjelang tahun 2020.
H	Kenaikan paras air laut ini akan menenggelamkan kawasan-kawasan rendah
H	seperti Negara Belanda dan Bandar Bangkok.
H	Persisiran pantai Malaysia juga dijangka ditenggelami air jika paras air laut meningkat pada kadar 0.9cm setahun akibat fenomena pemanasan global.
F	Pencairan glasier
H	Bahangan cahaya matahari ke permukaan laut akan menghasilkan pantulan ke arah glasier di kutub utara dan kutub selatan.
H	Suhu yang tinggi akan menyebabkan glasier di kawasan Artik dan Antartika mencair.
H	Di Antartika, sebuah kawasan bongkah ais yang dikenali <i>Larsen iceshelf</i> telah mula mencair akibat pemanasan global.
H	Pencairan bongkah ais ini akan menyebabkan paras air laut meningkat sehingga 60 meter
H	keadaan ini mampu menenggelamkan Kuala Lumpur yang hanya ketinggian 46 meter dari paras laut.
F	Ancaman kepada hidupan / fauna / haiwan
H	Berlaku perubahan habitat hidupan / fauna / haiwan
H	Contoh : beruang polar terpaksa berenang selama 3 bulan dari Artik ke Antlantik untuk mencari makanan
H	Habitat dan makanan haiwan musnah
Terima mana-mana jawapan yang munasabah	
Terima mana-mana 2 fakta, huraian, contoh yang munasabah	

- c. Bincangkan **langkah-langkah** 解决方法 yang diambil oleh **masyarakat global** bagi menangani isu di atas.
Jawapan anda hendaklah berdasarkan **nilai-nilai universal** yang dipelajari. [8 markah]

NILAI UNIVERSAL / PERASAAN / FAKTA / HURAIAN / CONTOH	
Watak : masyarakat global	
N	Nilai rasional / Nilai bertanggungjawab / Nilai kerjasama
F	Memperkasa penguatkuasaan undang-undang berkaitan alam sekitar
H	Hukuman lebih berat kepada pencemar alam sekitar / Tindakan tegas dikenakan kepada pihak yang merosakkan alam sekitar
H	Tidak berani melakukan aktiviti yang mencemarkan alam
F	Menandatangani perjanjian alam sekitar antarabangsa
H	Mematuhi protokol Kyoto bagi menangani pemanasan global
H	Mematuhi deklarasi Copenhagen berkaitan perubahan iklim
H	Menandatangani Perjanjian ASEAN berkaitan pencemaran jerebu rentas sempadan
F	Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan berkaitan kelestarian alam sekitar
H	Berusaha bersama-sama dengan negara luar untuk meningkatkan kajian tentang produk mesra alam.
H	Meneroka dan menghasilkan teknologi hijau 绿色科技
F	Menyertai kempen mengurangkan pemanasan global
H	Menggalakkan rakyat menyertai kempen berkaitan alam sekitar.
H	Meningkatkan kesedaran berkaitan kesan pemanasan global.
H	Membudayakan amalan kitar semula.环保
F	Meningkatkan pemuliharaan / pemeliharaan alam sekitar
H	Mewartakan hutan simpan
H	Berusaha mendapatkan pengiktirafan antarabangsa berkaitan tapak warisan dunia
H	Menggalakkan penghutan semula 造林
F	Menyertai persidangan / mesyuarat / dialog alam sekitar
H	Penglibatan secara aktif dalam dialog berkaitan pengurangan karbon dioksida.
H	Menyertai persidangan berkaitan pemanasan global
H	Membincangkan langkah penggunaan tenaga boleh diperbaharui.
F	Berganding bahu dengan negara serantau dan antarabangsa
H	Mengadakan kesepakatan negara untuk mengawal kegiatan pembalakan dan penerokaan hutan.
H	Mengadakan usaha bersama sama serantau bagi menangani masalah alam sekitar
F	Meningkatkan penggunaan teknologi mesra alam / teknologi hijau
H	Penggunaan teknologi hibrid
H	Penggunaan teknologi yang menjimatkan tenaga.
H	Pelaksanaan aktiviti berkaitan kelestarian persekitaran.
H	Mengadakan dasar berkaitan kemampanan alam sekitar.
Terima mana-mana huraian yang munasabah	
Terima mana-mana 2 nilai, 2 fakta, huraian, contoh yang munasabah	
Betul 2 nilai untuk mendapat 1m sahaja	

SKEMA JAWAPAN TAMAT